

03/04/2000

Litar Sepang beri pulangan berganda

Jamhariah Jaafar

SEPANG, Ahad - Pembinaan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) bernilai RM280 juta di sini membawa pulangan berganda apabila promosinya berjaya memperkenalkan Malaysia kepada lebih 600 juta penduduk dunia setiap tahun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil membidas pihak yang menganggap projek itu sebagai pembaziran, Perdana Menteri berkata, pembinaan litar itu terbukti memberi faedah cukup besar.

Malah, katanya, kerajaan tidak perlu lagi mengeluarkan peruntukan besar untuk promosi pelancongan di luar negara.

"Kalau kita hendak tunjuk satu gambar promosi Malaysia dalam televisyen Jepun, untuk satu minit kita dikatakan kena bayar RM1 juta. Tetapi apabila kita menggunakan GP (Grand Prix), macam-macam perkara mengenai Malaysia dapat ditunjukkan berkali-kali dan berjam-jam kepada lebih 600 juta orang di seluruh dunia ... faedahnya lebih besar daripada iklan yang kita buat.

"Sekali lagi saya hendak tegaskan bahawa kita melabur banyak juta untuk mendirikan sirkit ini, tapi kita sudah mendapat pulangan berkali ganda," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Grand Prix Motosikal Dunia Malaysia 2000 di SIC, hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan peruntukan RM280 juta yang digunakan untuk membina litar itu bersamaan iklan untuk tempoh dua tahun yang disiarkan di satu atau dua negara besar.

Tetapi, katanya, penganjuran perlumbaan antarabangsa seperti GP dan Formula Satu (F1), memberi Malaysia iklan percuma melalui promosi yang dibuat oleh hampir semua media massa di seluruh dunia.

"Oleh itu, kita jangan hanya pandang dari satu sudut, tetapi kita kena tengok dari sudut kepentingan negara ... nilai sirkit ini berpuluh kali ganda daripada perbelanjaan kita.

"Di samping itu, kita juga mendapat pulangan lain secara tidak langsung seperti peningkatan pelancongan, kerja yang wujud dan macam-macam," katanya menjawab tuduhan pembangkang kononnya projek seperti itu satu pembaziran.

Dr Mahathir berkata, bagi pembangkang semua yang dilakukan kerajaan adalah membazir.

"Yang tidak membazir ialah dia masuk dalam masjid yang kita buat untuk maki kita ... itu tidak membazir. Kita bina masjid dan dia guna untuk maki kita saja," katanya.

Dr Mahathir yang turut melancarkan enjin KR3 di Litar Sepang, berkata kerjasama erat dengan pencipta dan pengeluar enjin terkemuka dunia seperti Kenny Roberts, juga membolehkan Malaysia menimba pengalaman lebih canggih demi kepentingan industri automobil negara.

Beliau berkata, Malaysia perlu menguasai kecekapan untuk mencipta dan mengeluarkan enjin serta meningkatkan kemahiran dan kepakaran pengeluar kereta nasional, Proton.

"Kita membawa industri Proton bukan semata-mata hendak membuat kereta, tetapi kita hendak belajar kejuruteraan. Dengan adanya Proton kita dapat belajar teknik terbaik penciptaan dan pengeluaran enjin dan ini adalah satu kecekapan yang cukup canggih.

"Justeru, kita sedang bekerjasama dengan orang yang mempunyai pengetahuan macam Kenny Roberts, supaya kita dapat keluarkan enjin yang cukup baik," katanya.

Beliau berkata, banyak syarikat automobil dunia menganggap Malaysia

sebagai negara luar biasa kerana boleh bekerjasama dalam bidang kejuruteraan, kos tidak begitu tinggi serta mempunyai tenaga kerja yang cekap.

"Kita kena cari manfaat yang besar daripada kerjasama dengan Kenny Roberts dan lain-lain," katanya.

(END)